



**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**  
**(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

- PEKELILING -

**\*KEJUJURAN DAN KETEKUNAN\***

Fail : ( )MBSA/PTD/SM/500-4/11Jld.

Tarikh : 30 Ogos 2012  
12 Syawal 1433H

Kepada;

**Semua Ahli Majlis, Pegawai dan Kakitangan,**  
**Majlis Bandaraya Shah Alam**

Y.A.D Dato'/Y.Bhg. Dato'/ Datin/Tuan/Puan,

**PINDAAN KEPADA KEMUDAHAN BERSALIN, RAWATAN KEGUGURAN DAN  
TANGGUNGAN UNTUK RAWATAN PAKAR SEMASA MENGANDUNG**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa pindaan yang telah dibuat dalam dasar perubatan Majlis semasa Mesyuarat Penuh Majlis Kali Keempat Tahun 2012 Sesi 2012/2012 (4/2012A) bertarikh 27 Jun 2012. Pindaan-pindaan ini bertujuan untuk memberikan kemudahan perubatan yang lebih baik dan memberi perkhidmatan terbaik kepada semua Ahli Majlis, Pegawai dan Kakitangan Majlis.

3. Pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Syarat Asal	Pindaan Kepada
1.	<b>Para 3(ii) Dan Para 3(iii) Ke Atas Syarat-syarat Tawaran Hospital Panel Bersalin (Kos Rawatan Keguguran):</b>	
	Para 3 (ii) Pihak Pengurusan Majlis <b>tidak menanggung</b> kos rawatan untuk pemeriksaan antenatal dan post natal (rawatan sebelum dan selepas bersalin) dan juga D +C (dilation curettage)  Para 3 (iii) Pihak Majlis juga <b>tidak menanggung</b> kos rawatan keguguran	Para 3 (ii) Pihak Pengurusan Majlis <b>akan menanggung</b> kos rawatan untuk pemeriksaan antenatal dan post natal dan juga D +C (dilation curettage).  Para 3 (iii) Pihak Majlis juga <b>akan menanggung</b> kos rawatan keguguran.  Tertakluk kepada syarat-syarat berikut: <i>i) hanya di hospital panel Majlis (Hospital UMRA &amp; KPJ Selangor).</i> <i>ii) perlu disertakan dengan Surat Akuan Majikan (GL).</i>

2.	Kemudahan Bersalin Di Lain-lain Hospital Selain Hospital Panel Majlis	
	Majlis <b>tidak menanggung</b> kos bersalin di lain-lain hospital swasta selain hospital panel swasta yang dilantik oleh Majlis.	Majlis <b>akan menanggung</b> kos bersalin di lain-lain hospital swasta selain hospital panel swasta yang dilantik oleh Majlis dengan syarat:  i) Menggunakan prinsip ' <b>Bayar Dahulu, Tuntut Kemudian</b> '. Dimana pegawai/ kakitangan perlu membayar dahulu kos bersalin, dan tuntutan kemudian.  ii) maksima tuntutan adalah sebanyak RM1,700.00 atau mana-mana kos bersalin yang lebih rendah.  iii) tiada pengeluaran Surat Akaun Majikan (GL) yang akan dikeluarkan untuk tujuan ini.  iv) maksima <b>3 kelahiran</b> (termasuk mana-mana kelahiran di hospital panel Majlis sebelum ini).  v) hanya untuk isteri/ isteri-isteri Ahli Majlis/ Pegawai/ Kakitangan Lelaki yang <b>didaftarkan di dalam Sistem Bahagian Sumber Manusia sahaja</b> .


4. Kos rawatan bagi semua kemudahan ini akan ditolak daripada peruntukan pakar Ahli Majlis/ Pegawai/ Kakitangan (RM15,000.00/ RM10,000.00). Pemakaian bagi pindaan kemudahan perubatan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Julai 2012**.

5. Dengan berkuatkuasanya, pekeliling kemudahan perubatan ini, Syarat-syarat Tawaran Hospital Panel Pakar Swasta dan Pekeliling Majlis Bil.(76)MBSA/PTD/SM/800-4/11 Jld. 7 bertarikh 6 Ogos 2007 adalah **dipinda** bagi perkara-perkara di atas.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**\* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA \***

Saya yang menjalankan tugas,

  
(HAJI JAMRI BIN BASNI)  
Pegawai Khidmat Pengurusan

s.k. 1. Datuk Bandar  
2. Timbalan Datuk Bandar

JB/nms.....bersalin&ante/postnatal